



DASAR PRIVASI APLIKASI HOSHAS

PRIVASI

Aplikasi HOSHAS ("Aplikasi") dibangunkan untuk pesakit di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah bagi memudahkan pendaftaran, pengurusan temu janji, dan perkhidmatan kesihatan. Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui Google Play Store, Apple App Store, dan Huawei App Gallery. Maklumat peribadi yang dikumpulkan adalah selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

MAKLUMAT PERIBADI

Aplikasi ini tidak merekodkan data peribadi pengguna tanpa kebenaran. Maklumat yang diberikan digunakan hanya untuk capaian ke Sistem Maklumat Hospital (HIS) dan tidak dikongsi dengan pihak lain kecuali dinyatakan secara khusus.

MAKLUMAT YANG DIKUMPUL

Aplikasi ini mengumpulkan maklumat pengguna secara sukarela melalui proses pendaftaran bagi tujuan capaian ke HIS. Maklumat yang dikumpulkan termasuk:

- Nama pengguna
 - Nombor kad pengenalan
 - Nombor telefon
 - E-mel
 - Nombor MRN (Medical Record Number)
- Maklumat ini tidak digunakan untuk tujuan lain dan tidak akan didedahkan kepada pihak ketiga atau dipindahkan ke luar Malaysia untuk tujuan komersial.

KESAN JIKA DATA PERIBADI TIDAK DIBERIKAN

Jika maklumat peribadi tidak diberikan atau tidak mencukupi, permohonan pengguna mungkin tidak dapat diproses, dan perkhidmatan Aplikasi mungkin terjejas.

KERAHSIAAN

Data peribadi yang dikumpulkan disimpan dengan selamat mengikut dasar privasi ini serta undang-undang yang berkuat kuasa.

KESELAMATAN DATA

Aplikasi ini mematuhi piawaian keselamatan global untuk melindungi data pengguna. Semua data dihantar dalam bentuk yang disulitkan dan disimpan di pelayan yang selamat.

PERUBAHAN KEPADA DASAR PRIVASI

Sebarang perubahan pada dasar privasi ini akan dikemas kini di halaman ini. Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

E-mel: hoshascare@moh.gov.my